

0075

B B050 AAB  
HAKIM-MAHATHIR RRR

I

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MAHKAMAH AGUNG AKAN BERFUNGSI SEPERTI BIASA WALAUPUN LIMA DARIPADA HAKIMNYA TELAH DIGANTUNG JAWATAN.

KEKURANGAN LIMA HAKIM DI MAHKAMAH AGUNG TIDAK BERMAKNA ORANG RAMAI YANG MELAKUKAN KESALAHAN TIDAK BOLEH DIBAWA KE MUKA PENGADILAN, KATANYA SEMASA MEMBALAS SOALAN PEMBERITA SEBELUM MENINGGALKAN PEJABATNYA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

MENGENAI SEBAB-SEBAB PENGGANTUNGAN JAWATAN LIMA HAKIM ITU, BELIAU BERKATA INI TERNYATA KERANA MEREKA TELAH MELAKUKAN SESUATU KESALAHAN.

LIMA HAKIM ITU IALAH TAN SRI WAN SULEIMAN PAWAN TEH, DATUK GEORGE SEAH, TAN SRI MOHAMED AZMI KAMARUDDIN, TAN SRI EUSOFFE ABDUOLCADER DAN TAN SRI WAN HAMZAH MOHAMED SALLEH.

BERHUBUNG SOAL SAMA ADA HAKIM-HAKIM BAHARU AKAN DILANTIK KE MAHKAMAH AGUNG, BELIAU BERKATA: +SAYA MENGANDAIKAN BAHAWA PADA AKHIRNYA MESTI ADA HAKIM-HAKIM BAHARU+. -- LAGI  
2108MST 06 07 88

0076

B B051 AAB  
HAKIM-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR RRR

+AMAT JELAS KELIMA-LIMA HAKIM ITU TIDAK BOLEH LAGI MENJALANKAN TUGAS MEREKA KERANA SUDAH MEMBUAT PENDIRIAN.+

MENGENAI SAMA ADA BELIAU PERLU MEMBUAT REPRESENTASI KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG UNTUK MEMBENTUK SEBUAH TRIBUNAL UNTUK MENDENGAR TUDUHAN-TUDUHAN TERHADAP KELIMA-LIMA HAKIM ITU, BELIAU BERKATA SERI PADUKA BERSETUJU DENGAN REPRESENTASI YANG DIBUAT OLEH PEMANGKU KETUA HAKIM NEGARA TAN SRI ABDUL HAMID OMAR.

KATANYA, KEPUTUSAN UNTUK MENGGANTUNG JAWATAN HAKIM-HAKIM ITU DIBUAT OLEH PEMANGKU KETUA HAKIM BERDASARKAN UNDANG-UNDANG.

MENURUTNYA, HANYA DUA ORANG YANG BOLEH MEMBUAT REPRESENTASI ATAU RAYUAN KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG, IAITU PERDANA MENTERI ATAU KETUA HAKIM NEGARA SELEPAS RUNDINGAN DENGAN PERDANA MENTERI.

BERHUBUNG SOAL SAMA ADA TRIBUNAL YANG DIBENTUK UNTUK MENENTUKAN KEDUDUKAN KETUA HAKIM NEGARA YANG DIGANTUNG JAWATAN, TUN MOHAMED SALLEH ABAS, AKAN DIGUNAKAN UNTUK MENDENGAR TUDUHAN-TUDUHAN TERHADAP LIMA HAKIM ITU, BELIAU BERKATA SEBUAH TRIBUNAL BAHARU AKAN DIBENTUK BERDASARKAN UNDANG-UNDANG. -- LAGI  
2110MST 06 07 88

HAKIM-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR RRR

KINI TERPULANG KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG UNTUK MELANTIK ANGGOTA-ANGGOTA TRIBUNAL ITU.

+SUDAH TENTU, SERI PADUKA PERLU DINASIHATKAN,+ KATANYA SEMENTARA ITU, PENGGANTUNGAN JAWATAN KETUA HAKIM NEGARA DAN LIMA HAKIM MAHKAMAH AGUNG KINI MENINGGALKAN KUASA KEHAKIMAN TERTINGGI NEGARA. INI DENGAN HANYA EMPAT HAKIM.

KETUA HAKIM NEGARA TUN MOHAMED SALLEH ABAS DIGANTUNG JAWATAN BULAN LEPAS MANAKALA LIMA HAKIM ITU, TAN SRI WAN SULEIMAN PAWAN TEH, DATUK GEORGE EDWARD SEAH, TAN SRI MOHAMED AZMI KAMARUDDIN, TAN SRI EUSOFFE ABDOOLCADER DAN TAN SRI WAN HAMZAH MOHAMED SALLEH, DIGANTUNG JAWATAN HARI INI.

DUA DARIPADA EMPAT HAKIM MAHKAMAH AGUNG YANG ADA, PEMANGKU KETUA HAKIM NEGARA TAN SRI ABDUL HAMID OMAR DAN HAKIM BESAR MAHKAMAH TINGGI BORNEO TAN SRI LEE HUN HOE, MENGANGGOTAI TRIBUNAL YANG DILANTIK OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG UNTUK MEMPERTIMBANGKAN TUDUHAN-TUDUHAN TERHADAP TUN MOHAMED SALLEH. -- LAGI.

0087

B 8055 AAB  
HAKIM-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR RRR

DENGAN INI, HANYA TINGGAL DUA HAKIM, IAITU DATUK HARUN HASHIM DAN TAN SRI HASHIM YEOP SANI DI MAHKAMAH AGUNG YANG MEMERLUKAN KUORUM MINIMUM TIGA HAKIM UNTUK BERSIDANG.

MAHKAMAH AGUNG YANG BIASANYA BERSIDANG DI KUALA LUMPUR SEBULAN SEKALI MENDENGAR, KHUSUSNYA, KES RAYUAN DARIPADA MAHKAMAH TINGGI.

MAHKAMAH AGUNG TERDIRI DARIPADA KETUA HAKIM NEGARA, DUA HAKIM BEGAR (MALAYA DAN BORNEO), EMPAT HAKIM MAHKAMAH AGUNG DAN BILANGAN TAMBAHAN HAKIM YANG DILANTIK KETUA HAKIM NEGARA UNTUK MENDENGAR KES-KES DI MAHKAMAH AGUNG BAGI TEMPOH SEMENTARA JIKA BELIAU BERPENDAPAT TIMBUL KEPERLUAN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN DEMI KEPENTINGAN KEADILAN.

BAGAIMANAPUN, YANG DI-PERTUAN AGONG BERKUASA MELANTIK SEORANG LAGI HAKIM UNTUK TEMPOH TERTENTU ATAS NASIHAT KETUA HAKIM NEGARA. BEKAS HAKIM JUGA BOLEH DILANTIK WALAUPUN SUDAH BERUMUR 65 TAHUN, IAITU UMUR BERSARA YANG WAJIB BAGI HAKIM. -- BERNAMA  
0032MST 07 07 88